

05 AUG 2002
BNM-KYRGYZ/I
BNM METERAI MOU DENGAN BANK PUSAT KYRGYZ

PUTRAJAYA, 5 Ogos (Bernama) -- Bank Negara Malaysia (BNM) hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan National Bank Republik Kyrgyz untuk meningkatkan perdagangan dua hala dan hubungan perbankan antara kedua-dua negara.

Perjanjian Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) juga dimeterai antara BNM dengan Joint Stock Commercial Bank Kyrgyzstan (JSCBK), kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada pemberita selepas pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Kyrgyz Askar Akayev, di sini hari ini.

Akayev berada di sini untuk lawatan kedua ke Malaysia. Lawatan pertama beliau adalah pada 1995.

Di majlis pemeeterian MoU itu, BNM diwakili oleh Gabenor Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, manakala Republik Kyrgyz diwakili oleh Pengerusi National Bank Ulan K. Sarbanov.

Sementara itu, BPA dimeterai oleh Dr Zeti, Pengarah Jabatan Antarabangsa BNM Tan Sook Peng dan Pengerusi JSCBK Sharipa Sady Bakasova.

Di bawah BPA tersebut, nilai dagangan bersih antara kedua-dua negara akan dijelaskan dalam mata wang yang dipersetujui dalam jangka masa tertentu.

Kyrgyz merupakan sebuah dengan lima juta penduduk di mana 80 peratus daripadanya adalah Islam. Mereka banyak bergantung kepada sektor pertanian, diikuti oleh pelancongan, kewangan dan usaha kecil dan sederhana (IKS) untuk pertumbuhannya.

Pada 2001, Malaysia mengeksport barangan bernilai AS\$200,000 (AS\$1=RM3.80) ke Kyrgyz dan mengimport barangan bernilai AS\$100,000.

BNM berharap BPA akan meningkatkan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Republik Kyrgyz dalam bidang perdagangan dan perbankan.

BPA telah menjadi pemangkin dalam meningkatkan nilai dagangan di antara Malaysia dengan negara-negara yang telah menandatangani perjanjian BPA dengan Malaysia. Usaha ini dapat mempelbagaikan pasaran eskport Malaysia ke destinasi-destinasi bukan tradisi.

Setakat ini, Malaysia telah memeterai BPA dengan 28 negara di Asia, Amerika Selatan, Afrika serta Eropah Tengah dan Timur.

Turut dimeterai hari ini adalah sebuah perjanjian kerjasama antara Jabatan Perangkaan Malaysia dengan National Statistical Committee Republik Kyrgyz.

Sementara itu, tentang pertemuan antara Dr Mahathir dengan Akayev, Syed Hamid berkata mereka membincangkan berbagai isu tentang bagaimana hubungan dua hala antara kedua-dua negara boleh ditingkatkan lagi, khususnya dalam bidang kerjasama ekonomi.

President Kyrgyz menganggap bahawa Malaysia adalah negara contoh kepada pembangunan Kyrgyz, katanya.

Beliau berkata Malaysia telah menghantar pakar ekonomi daripada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) untuk memberikan cadangan berkenaan dengan dasar pembangunan ekonomi republik itu.

Syed Hamid berkata presiden Kryrgyz itu menyifatkan rancangan ekonomi 10 tahun negara itu sebagai Plan Ekonomi Mahathir.

Katanya, Dr Mahathir juga telah bersetuju untuk menggalakkan syarikat Malaysia melabur di negara tersebut seperti yang diminta oleh presidennya. Beliau turut berjanji akan terus memberi bantuan kepakaran kepada negara tersebut dalam bidang-bidang yang diperlukan.

Syed Hamid berkata bantuan-bantuan seperti ini akan membantu Malaysia mengembangkan rangkaian dan kerjasama yang akan mendatangkan manfaat ekonomi yang banyak.

"Kalau kita tengok... melalui LID (Dialog Antarabangsa Langkawi) kehadiran Petronas di Benua Afrika adalah amat ketara sekali. Orang mula mengetahui kemampuan dan keupayaan kita," katanya.

Ditanya berkenaan nilai pelaburan Malaysia di negara berkenaan setakat ini, beliau berkata: "Yang paling penting adalah kehadiran kita di sana... bagi Kyrgyz ia merupakan pelaburan yang baik.

Pada masa ini, antara syarikat Malaysia yang berada di Kyrgyz adalah Mimos, Kumpulan Safuan, Sirim dan Malaysia Mining Corporation.

Kedua-dua pemimpin juga amat berpuas hati dengan penerbangan pertama dari Bishkek, Kyrgyz ke Kuala Lumpur esok, katanya.

"Ini adalah penerbangan pertama dari Bishkek ke Kuala Lumpur menggunakan pesawat yang boleh membawa 360 orang penumpang dan 6,000 kg kargo.

"Ia merupakan usaha sama antara Kumpulan Safuan dan KR International Airline," katanya.

Ditanya samada perkhidmatan itu akan dibuat setiap hari, Syed Hamid berkata ia akan berterusan tetapi buat masa ini hanya dua atau tiga penerbangan seminggu. -- BERNAMA

SM FR JR